



HARUN (dua kiri) dan Yeoh (kanan) bertukar dokumen Memorandum Persefahaman yang ditandatangani, sambil disaksikan oleh Musa (tengah) dan Yeoh Tiong Lay (dua kanan) dan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said.

Program Kerjasama Pendidikan YTL kini dilaksanakan di UMS

UB 20.4.2014 AG

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Program Kerjasama Pendidikan (Education Partner Program-EPP) yang dilaksanakan oleh YTL Communications Sdn Bhd kini dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program bertujuan menyediakan perkhidmatan Yes 4G dalam kawasan kampus itu sudah dilaksanakan dengan kerjasama beberapa buah universiti di Semenanjung Malaysia dan kini ia diperluaskan ke Sabah.

Beliau berkata, YTL juga bekerjasama dengan universiti-universiti berkenaan dalam menyediakan liputan Kampus Wifi.

Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications Sdn

Bhd Wing K. Lee berkata, Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama UMS itu akan melihat semua sudut kerjasama termasuk EPP, Yes 4G dan seterusnya menyokong perkhidmatan Wifi di UMS.

“Memorandum ini adalah bagi melihat semua sudut kerjasama untuk meningkatkan kualiti pelajar melalui akses kepada internet,” katanya semasa Sidang Media sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara YTL dan UMS, di Auditorium Pasca-siswazah UMS, di sini kelmarin.

Majlis menandatangani MoU ditandatangani antara Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah serta Pengarah Eksekutif YTL Communications Sdn Bhd Dato' Yeoh Soo Keng sambil disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman dan Pengerusi YTL Corporation Berhad Tan Sri

Yeoh Tiong Lay.

Terdahulu, Yeoh Soo Keng dalam ucapannya berkata, melalui EPP, UMS akan mendapat liputan Yes 4G di seluruh kawasan kampus yang akan membolehkan pelajar menikmati akses internet mudah alih untuk kemudahan pembelajaran yang lebih canggi.

“Melalui usahasama EPP ini, kami percaya ianya akan mampu membina satu generasi baru yang progresif, inovatif dan mahir dalam penggunaan teknologi serta berupaya membawa satu impak positif kepada pembangunan Sabah dan negara,” katanya.

Sementara itu, Harun berkata, MoU itu adalah tepat pada masanya kerana perancangan untuk bekerjasama dengan YTL dalam meningkatkan akses internet di UMS sudah dikemukakan sejak akhir tahun lalu. UMS memandang serius usaha kerjasama ini.